

LAMPIRAN H.2

TAMBAHAN KEPADA “GARISPANDUAN UNTUK PENYEDIAAN KEMUDAHAN MASYARAKAT DI KAWASAN PEMAJUAN PERUMAHAN BARU” UNTUK PENYEDIAAN TAPAK IBADAT BUKAN ISLAM

1.0 Piawaian

- i). Piawaian yang digunakan berdasarkan keperluan mengikut bilangan penduduk iaitu:-

0.10 mp luas tanah bagi setiap penduduk bersamaan 500 mp luas tanah per 500 penduduk

- ii). Luas tapak ini dikehendaki secara berasingan dan tidak di 'offset' dengan kemudahan lain

2.0 Kaedah Pengiraan Penduduk

Mengikut garispanduan induk dan apa-apa perubahan selaras dengan garispanduan kos sederhana rendah dan kos rendah dari masa ke semasa.

3.0 Saiz Pemajuan Yang Dikecualikan

Ini hanya terpakai bagi pemajuan perumahan mengandungi 5 unit dan ke atas. Tidak termasuk pemajuan rumah kedai.

4.0 Kesesuaian Tapak Fizikal

Lokasi keluasan tapak yang disediakan hendaklah sesuai dan memuaskan kepada MPPP. Keluasan tapak hendaklah menampung bangunan rumah ibadat yang munasabah dengan saiz ruang lantai minima 10 mp dengan anjakan dari sempadan plot atau dari bangunan-bangunan terdekat yang diperlukan mengikut piawaian perancangan dan undang-undang kecil sediaada.

5.0 Penyerahan Tapak Fizikal

Tapak-tapak fizikal perlu diserahkan kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang dengan harga namaan RM1.00 seplot. Sebarang permintaan untuk memiliki tapak tersebut oleh mana-mana pertubuhan akan dirujuk oleh Majlis Ibadat Bukan Islam di peringkat negeri.

6.0 Tabung Sumbangan Kewangan

Jika pada pendapat MPPP kelulusan tapak tidak dapat disediakan dengan memuaskan dan tidak boleh diterima, pemohon boleh menawarkan sumbangan kewangan sebagai ganti mengikut kadar dan zon di dalam garispanduan induk.

Tawaran sumbangan kewangan sebagai ganti tapak ibadat bukan islam secara fizikal akan dimasukkan ke dalam tabung khas Majlis Perbandaran Pulau Pinang untuk tapak ibadat bukan islam.

7.0 Perlaksanaan

Tarikh perlaksanaan tambahan kepada 'Garis panduan Untuk Penyediaan Kemudahan Masyarakat Di Kawasan Pemajuan Perumahan Baru' adalah tarikh kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri **pada 16.01.2003**. Semua permohonan kebenaran merancang yang telah dikemukakan sebelum tarikh perlaksanaan dan masih menunggu keputusan serta semua pelan bangunan yang belum diluluskan adalah tertakluk kepada garispanduan ini.